

Kajian Persepsi Peserta Latihan Khas Kluster Pengkomputeran Berdasarkan Umur dan Pendapatan.

Najdiah Aris
Kolej Komuniti Masjid Tanah
najdiaharis@gmail.com

Raudhah Noora'ariffah Abu Bakar
Kolej Komuniti Masjid Tanah
raudhahariffah@gmail.com

Norfadzilah Mohamad
Kolej Komuniti Masjid Tanah
norfadzilahmohamad350601@gmail.com

Abstract

The particular perceptions are studied to verify the Special Training Course (Computing Clusters) ability to contribute in producing a skilful society in education, social, economic and community leadership. The objectives of the study are to identify differences and correlations of perceptions based on the participants age and income. 111 respondents were involved in this study consisting of teenagers, youth and adults and the data was analyzed using Statistical Package for Social Science Software version 23.0 for the correlation values and one-way ANOVA test outcome. The results show that there is a significant differences in participants' perceptions based on age in which significant values exist for all aspects of education, social, economic and community leadership. However, the correlation between educational, social, economic, community leadership perceptions and age of the participants is at an improvisation level. This indicates that the implementations of Special Training (Computing Cluster) at Masjid Tanah Community College provides a massive and significant differences in the aspects of education, social, economic and community leadership aspects based on the age of the participants. At the same point, based on income level, the results show significant differences in aspects of education, economy and community leadership. The results of the study reveal that the objective scope of the special training course should regard the main demand of participants participations to ensure that the requirement of participants in the course are encountered.

Keywords: special training, community college, local community

Abstrak

Persepsi ini dikaji bagi memastikan Latihan Khas (kluster pengkomputeran) dapat membantu dalam melahirkan masyarakat yang berkemahiran dalam aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti. Objektif kajian adalah mengenalpasti perbezaan dan hubungan persepsi berdasarkan peringkat umur dan pendapatan peserta. Seramai 111 orang responden terlibat di dalam kajian ini terdiri daripada golongan remaja, belia dan dewasa serta dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science Software version 23.0* bagi mendapatkan nilai kolerasi dan ujian ANOVA sehalu. Hasil kajian menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan persepsi peserta berdasarkan peringkat umur dimana nilai signifikan bagi kesemua aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti. Namun begitu, hubungan korelasi antara persepsi pendidikan, sosial, ekonomi, kepimpinan komuniti dengan peringkat umur adalah pada tahap lemah. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Latihan Khas (Kluster Pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah memberi jurang perbezaan yang tinggi di dalam aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti berdasarkan peringkat umur peserta. Begitu juga berdasarkan

peringkat pendapatan, hasil menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi aspek pendidikan, ekonomi dan kepimpinan komuniti. Hasil kajian mendapati skop objektif kursus latihan khas ini perlu melihat kepada keperluan utama sasaran peserta yang hadir bagi memastikan kehendak peserta di dalam kursus tercapai.

Katakunci: latihan khas, kolej komuniti, komuniti setempat

1.0 Pengenalan

Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT) merupakan salah satu hub Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang menjalankan pelbagai kluster kursus latihan khas yang disertai oleh komuniti dan agensi setempat. Menurut (Makhtar, 2015), pelaksanaan program PSH merupakan satu latihan di institusi pendidikan yang meningkatkan prestasi kerja, pengetahuan, kemahiran dan tahap pendidikan seseorang individu. Sejalan dengan tujuan penubuhan awal Kolej Komuniti dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar bagi memastikan modal insan yang berkualiti, berpengetahuan seiring dengan negara maju. Buku Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 ada memasukkan PSH sebagai lonjakan yang ketiga dalam 10 lonjakan negara. Merujuk kepada Pelan Induk Pembudayaan PSH Peringkat Nasional 2011-2020, PSH merupakan salah satu daripada tiga tiang asas dalam pembangunan modal insan selepas pendidikan sekolah dan pengajian tinggi. Ini menunjukkan bahawa PSH membuka ruang kepada semua peringkat umur daripada pelajar sekolah sehingga warga emas untuk menimba ilmu kemahiran dalam bidang yang diminati.

Perlaksanaan PSH dalam meningkatkan kesedaran dan penyertaan untuk komuniti setempat dapat dicungkil melalui potensi diri bagi menghasilkan impak yang positif dari segi produktiviti, daya saing dan kebolehpasaran (PSPTN, 2007). Kajian ini dijalankan bagi mengetahui persepsi responden kursus latihan khas kluster pengkomputeran (KLKKP) dari peringkat umur dan pendapatan bagi memastikan objektif dan tujuan kursus yang dihadiri dapat dipenuhi mengikut kehendak peserta. Ia juga membantu dalam memastikan KLKKP yang dianjurkan oleh KKMT dapat memenuhi permintaan dan objektif peserta yang hadir.

Antara KLKKP yang dihadiri oleh responden bagi kajian ini adalah kursus Latihan Khas *Microsoft Office Word*, *Microsoft Office Excel*, *Microsoft Office Powerpoint*, kursus Latihan Khas *online marketing* menggunakan *shoppe*, kursus Latihan Khas *Video editing (Filmora)*, kursus Latihan Khas *Adobe Photoshop* dan kursus Latihan Khas *Autocad*.

Empat aspek telah dikaji bagi mengenalpasti persepsi peserta terhadap program KLKKP iaitu aspek pendidikan yang terdiri daripada 3 konstruk utama iaitu memberikan kesedaran tentang pendidikan, peningkatan kemahiran dan peningkatan pengetahuan teknologi. Terdapat 3 konstruk utama dari aspek sosial iaitu melahirkan modal insan yang sempurna, meningkatkan sosio-ekonomi dan meningkatkan perpaduan dan 3 konstruk utama dari aspek ekonomi iaitu membudayakan keusahawanan, peningkatan ekonomi setempat dan pendedahan pemasaran digital. Manakala bagi aspek kepimpinan komuniti terdiri daripada 2 konstruk iaitu memupuk sifat kepimpinan dan kerjasama agensi setempat.

2.0 Penyataan Masalah

KLKPP telah lama dilaksanakan di KKMT namun kajian ini hanya menggunakan data bagi Januari sehingga April tahun 2019. Objektif pelaksanaan kursus adalah bagi membantu peserta dalam meningkatkan kemahiran dalam bidang komputer justeru sebagai nilai tambah dalam pekerjaan serta meningkatkan sosio ekonomi dan pendapatan keluarga. Bagi memastikan kursus yang telah dilaksanakan mencapai objektif yang diinginkan, kajian terhadap persepsi peserta telah dijalankan. Menurut Gabr(2000), beliau berpendapat penilaian terhadap setiap kursus perlu dibuat untuk menilai keberkesanan kursus tersebut dalam mencapai objektifnya.

Menurut Elias, Maamor, & Aziz (2015), Wawasan 2020 tidak akan tercapai dengan berjaya tanpa ada komitmen dan kesedaran belia terhadap perubahan pengetahuan dan kemahiran pada masa kini. Ini disokong oleh kajian Samihah Sarpan & Marlina Mohamad (2017) yang menyatakan PSH merupakan agenda besar negara dalam memastikan kemampuan modal insan dapat digilap agar dapat menghasilkan kecemerlangan yang diinginkan oleh negara, justeru Kolej Komuniti telah diberikan tanggungjawab besar bagi melaksanakan PSH bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan dapat mengurangkan jurang tenaga kerja mahir yang dihadapi oleh industri.

Keputusan kajian ini adalah amat penting bagi melihat persepsi peserta Latihan Khas Kluster Pengkomputeran ini dipengaruhi oleh faktor umur dan pendapatan mereka atau tidak. Berdasarkan kajian lepas kedua faktor ini menjadi keperluan dalam penentuan kualiti sesuatu latihan yang diberikan dan memberi membantu Kolej Komuniti Masjid Tanah meningkatkan kualiti dan prestasi latihan yang diberikan selepas ini.

3.0 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- a. Mengenalpasti perbezaan persepsi peserta KLKPP di KKMT berdasarkan peringkat umur.
- b. Mengenalpasti hubungan di antara persepsi peserta KLKPP di KKMT berdasarkan peringkat umur.
- c. Mengenalpasti perbezaan persepsi KLKPP di KKMT berdasarkan pendapatan.

4.0 Kajian Literatur

Menurut Mohd. Nasir Mohd. Saukani (2010) menjelaskan bahawa wujud hubungan positif antara pencapaian modal manusia dengan tingkat pendapatan yang akan diterima oleh seseorang individu. Dengan ini dapat dikatakan bahawa latihan menjadi salah satu faktor yang amat penting dalam peningkatan pendapatan dan ekonomi sesebuah keluarga. Sebagai sebuah institusi penyedia latihan KKMT berperanan penting mempertingkatkan kualiti penyampaian latihan yang diberikan bagi membantu komuniti setempat mengembangkan bakat dan pendapatan komuniti bagi setiap peringkat umur. Input persepsi peserta terhadap latihan yang telah disampaikan boleh menjadi kayu pengukur bagi membantu organisasi untuk merancang dan mempertingkatkan kualiti latihan yang akan disampaikan

pada masa hadapan. Menurut Baharom Mohamad (2009), dalam konteks lebih luas, modal insan mencorak hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonominya. Pembangunan modal insan adalah pembangunan yang menumpukan kepada manusia. Matlamat utamanya ialah untuk meningkat dan memajukan individu bagi mendapatkan pulangan pada masa akan datang (Mohd Fauzi, Mohd Khairil & Che Nordin, 2012).

Pelaburan terhadap modal manusia (dalam bentuk pendidikan, latihan dan kesihatan) akan memberi kesan yang positif kepada pulangan pendapatan individu/isi rumah (Mohd. Saukani, 2010). Menurut Rahmah (1988) di Malaysia, hampir 30 peratus daripada perbezaan perolehan antara etnik dapat diterangkan oleh perbezaan pencapaian pendidikan. Dalam bidang perkomputeran, kepakaran penggunaan aplikasi dapat membantu seseorang menggunakan perisian yang dipelajari dan digunapakai untuk sebarang bentuk keperluan dalam menyiapkan tugas. Bagi individu yang bergelar usahawan kemahiran dalam bidang perkomputeran membantu mempertingkatkan nilai kemahiran dan menceburkan diri dalam menuju kearah keusahawanan digital yang amat diperlukan pada masa kini. Namun kekangan keupayaan untuk mempelajari teknologi baru adalah terbatas mengikut persepsi mereka dan dipengaruhi juga oleh umur untuk mengadaptasi teknologi yang dipelajari.

5.0 Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian persepsi berbentuk deskriptif. Pemilihan kaedah dibuat untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah yang mempengaruhi persepsi KLKKP terhadap peserta kursus di KKMT.

Borang soal selidik ini telah disediakan oleh Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Ia terbahagi kepada 4 aspek utama dalam mengkaji persepsi komuniti setempat terhadap PSH di Kolej Komuniti. Borang ini dicetak dan diberikan kepada peserta selepas kursus dijalankan.

Populasi kajian ini terdiri daripada komuniti setempat yang menyertai KLKKP yang dianjurkan oleh KKMT. Seramai 111 orang peserta telah mengambil dan mendaftar latihan khas ini daripada bulan Januari sehingga April 2019 dan kesemua peserta merupakan responden. Kumpulan peserta kursus ini terdiri daripada 3 golongan umur remaja(13-17 tahun), belia(18-40 tahun)dan dewasa(41-55). Daripada ketiga-tiga kumpulan ini peserta remaja adalah golongan yang paling tinggi menyertai kursus dalam kluster ini iaitu sebanyak 64 peratus, diikuti oleh belia 27.0 peratus dan dewasa 9.0 peratus. Kategori pendapatan terdiri daripada 5 peringkat iaitu pendapatan di bawah RM1000, pendapatan lingkungan M1001 sehingga RM3000, pendapatan lingkungan RM3001 sehingga RM5000, pendapatan RM5000 ke atas dan tiada pendapatan.

Instrumen soal selidik digunakan dalam kajian ini. Struktur soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian

B. Bahagian A mengandungi item berkaitan dengan demografi dan terdiri daripada 7 item. Item yang dibina adalah berbentuk pilihan di mana responden perlu membuat pilihan jawapan yang sesuai berdasarkan pernyataan item. Manakala bahagian B terdiri daripada 11 item yang terbahagi kepada 4 aspek iaitu pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti. Pada bahagian ini, responden perlu menjawab item berdasarkan skala likert lima mata.

6.0 Analisis data

Data kajian dianalisis dengan menggunakan *statistical package for social science software version (SPSS)* versi 23.0. Kajian ini telah menggunakan nilai korelasi, hubungan Pearson (Cohen, 1988) seperti di dalam **jadual 1** dan juga ujian Anova bagi menjawab persoalan kajian persepsi peserta terhadap KLKKP di KKMT.

Jadual 1: Nilai korelasi, hubungan Pearson (Cohen, 1988)

Julat Korelasi	Kekuatan hubungan
0.10 hingga 0.29	Lemah
0.30 hingga 0.49	Sederhana
0.50 hingga 1.00	Kuat

7.0 Keputusan dan Perbincangan

Data dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS 23.0* untuk mendapatkan hasil dapatan nilai kolerasi dan ujian anova yang melibatkan 4 kumpulan peringkat umur dan pendapatan peserta dalam mengenalpasti perbezaan persepsi peserta terhadap 4 aspek iaitu aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti.

7.1 Mengenalpasti perbezaan persepsi peserta terhadap KLKKP di KKMT berdasarkan peringkat umur

Jadual 2 Perbezaan persepsi peserta kursus terhadap KLKKP berdasarkan 3 kumpulan umur yang berbeza iaitu remaja (13-17 tahun), belia (18-40 tahun) dan dewasa (41-55 tahun).

Aspek	Peringkat umur	Nilai <i>df</i>	Signifikan
Pendidikan	Antara kumpulan	2	0.013
	Dalam kumpulan	108	
	Jumlah	110	
Sosial	Antara kumpulan	2	0.010
	Dalam kumpulan	108	
	Jumlah	110	
Ekonomi	Antara kumpulan	2	0.002
	Dalam kumpulan	108	
	Jumlah	110	

Kepimpinan Komuniti	Antara kumpulan	2	0.006
	Dalam kumpulan	108	
	Jumlah	110	

Hasil dapatan dengan menggunakan ujian ANOVA dalam jadual 2 menunjukkan nilai signifikan mengikut peringkat umur bagi aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$), mengikut Creswell JW (1994), wujud perbezaan yang signifikan terhadap persepsi berdasarkan peringkat umur peserta kursus.

7.2 Mengenalpasti hubungan di antara persepsi peserta KLKKP di KKMT berdasarkan peringkat umur.

Jadual 3 : Hubungan antara persepsi dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti peserta LKKP berdasarkan umur

Aspek	<i>n</i>	Jantina	Hubungan
Aspek pendidikan	111	Nilai Korelasi Pearson $r = 0.208$	Lemah
Aspek sosial	111	Nilai Korelasi Pearson $r = 0.164$	Lemah
Aspek ekonomi	111	Nilai Korelasi Pearson $r = 0.220$	Lemah
Aspek kepimpinan komuniti	111	Nilai Korelasi Pearson $r = 0.223$	Lemah

Jadual 3 Menunjukkan keputusan Ujian Korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara persepsi daripada keempat-empat aspek (pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti) peserta KLKKP di KKMT berdasarkan peringkat umur.

7.3 Mengenalpasti perbezaan persepsi peserta terhadap KLKKP di KKMT berdasarkan pendapatan

Jadual 4 : Perbezaan persepsi peserta kursus terhadap KLKKP berdasarkan 5 kumpulan pendapatan di bawah RM1000, pendapatan lingkungan M1001 sehingga RM3000, pendapatan lingkungan RM3001 sehingga RM5000, pendapatan RM5000 ke atas dan tiada pendapatan.

Aspek	Peringkat pendapatan	Nilai <i>df</i>	Signifikan
Pendidikan	Antara kumpulan	4	0.039
	Dalam kumpulan	106	
	Jumlah	110	
Sosial	Antara kumpulan	4	0.154
	Dalam kumpulan	106	
	Jumlah	110	

Ekonomi	Antara kumpulan	4	0.023
	Dalam kumpulan	106	
	Jumlah	110	
Kepimpinan Komuniti	Antara kumpulan	4	0.033
	Dalam kumpulan	106	
	Jumlah	110	

Hasil dapatan dengan menggunakan ujian ANOVA dalam jadual 4 menunjukkan nilai signifikan berdasarkan pendapatan bagi aspek pendidikan, ekonomi dan kepimpinan komuniti adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$), menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan persepsi berdasarkan pendapatan peserta kursus. Peringkat pendapatan peserta terbahagi kepada 4 bahagian iaitu di bawah RM1000, lingkungan RM1001 sehingga RM3000, RM3001 sehingga RM5000 dan RM5000 ke atas.

8.0 Perbincangan

8.1 Mengenalpasti perbezaan persepsi peserta terhadap KLKKP di KKMT berdasarkan peringkat umur

Berdasarkan instrumen aspek pendidikan adalah melihat sejauh mana persepsi responden bahawa latihan khas ini memberi kesedaran tentang pendidikan kepada mereka. Hasil dapatan ini kemungkinan berdasarkan perbezaan objektif dan tujuan para peserta yang terdiri dari pelbagai umur yang menyertai kursus dalam kluster perkomputeran ini. Bagi golongan remaja tumpuan mereka mendapatkan latihan adalah bagi memenuhi keperluan kerja kursus IPT dan bagi peserta belia dan dewasa yang lain mungkin lebih terfokus bagi mendapatkan latihan yang membantu aspek peningkatan kerjaya dan pendapatan mereka.

Modal insan bergantung kepada proses pendidikan dan latihan. Nilai diri akan meningkat jika dia memanfaatkan perkembangan teknologi dan perkembangan baru (Mohammad Fauzi et al., 2012). Berdasarkan ini dapat dikatakan bahawa jika mengikut umur perspektif latihan setiap individu mengikut umur adalah berbeza dan mempunyai objektif yang berbeza dan memerlukan proses tertentu.

Keperluan teknologi dalam kerjaya adalah berbeza dengan keperluan di Intitusi Pengajian Tinggi. Manakala bagi mereka yang telah berumur mungkin keupayaan menguasai teknologi adalah amat terhad dan penguasaannya memerlukan jangkasa yang lebih lama dan dipengaruhi oleh faktor kerjaya dan latarbelakang pendidikan peserta.

Bagi aspek sosial, peringkat belia dan remaja bersetuju bahawa dengan mengikuti kursus di Kolej Komuniti dapat meningkatkan keyakinan diri dalam komunikasi dan juga melahirkan individu yang berdaya saing serta membina ketrampilan diri. Menurut Samihah Sarpan (2019), tujuan belia ingin mengikuti kursus pendek program PSH adalah meningkatkan motivasi diri dan meningkatkan keyakinan diri. Kajian ini menyokong bahawa golongan belia mempunyai signifikan yang tinggi di dalam aspek sosial.

Manakala bagi golongan dewasa ia lebih menekankan kepada aspek sosial dalam meningkatkan sosio-ekonomi dalam membantu kestabilan ekonomi keluarga dan memperluaskan peluang untuk menambah pendapatan keluarga. PSH juga boleh memupuk minat serta menyemai bakat yang mana ia tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat. Oleh yang demikian, PSH melalui pendidikan jarak jauh, pembelajaran di tempat kerja dan separuh masa telah menjadi sebahagian budaya dan cara hidup ke arah menyokong pembangunan modal insan sejajar dalam memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi (Ramlan, Ahmad & Wan Mohd Rashid, 2008).

Bagi aspek ekonomi pula, instrumen melihat perspektif peserta terhadap pembudayaan keusahawanan, peningkatan ekonomi setempat dan pendedahan pemasaran digital. Berdasarkan perbezaan umur setiap kumpulan peserta sudut pandangan yang berbeza berdasarkan keperluan ekonomi semasa mereka dan keperluan pengetahuan berdasarkan teknologi bagi meningkatkan taraf ekonomi. Ada peserta yang masih menggunakan kaedah tradisional bagi membantu memperkukuhkan ekonomi mereka pada masa kini. Namun keperluan teknologi ini amat diperlukan bagi peserta yang mengikuti latihan khas dalam kluster pengkomputeran ini bertujuan menggunakan sepenuhnya teknologi dalam mempertingkatkan ekonomi keluarga mereka melalui pemasaran digital. Dalam masa yang sama bagi golongan muda yang datang ke latihan dengan tujuan mendapatkan latihan tanpa keperluan penjanaan ekonomi mungkin merasakan latihan kemahiran pemasaran digital tidak memberikan apa-apa impak kepada mereka dan membantu mereka mendapatkan latihan penggunaan teknologi sematamata.

Bagi aspek kepimpinan komuniti, responden di kalangan dewasa merupakan antara mereka yang sudah mempunyai kerjaya seperti guru, usahawan, kerani dan ingin meningkatkan kemahiran dalam kursus PSH. Dua aspek utama dalam kepimpinan komuniti iaitu memupuk sifat kepimpinan dan kerjasama agensi setempat. Golongan dewasa merasakan dengan mengikut kursus ini mampu mendidik belia menjadi bakal pemimpin muda dan meningkatkan sokongan pemimpin kepada komuniti. Menurut kajian (Nor Kamaliah, 2018), memandangkan terdapat banyak kepentingan PSH terhadap guru, maka golongan pendidik ini perlu diberi ruang dan peluang kepada mereka untuk mengikuti pengajian ini. Sawyer(2012), melalui artikelnya menekankan bahawa pemimpin yang berjaya membangunkan organisasi dengan cemerlang adalah pemimpin yang mencintai PSH. Pemimpin mengenalpasti ruang dan peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan mencipta suasana PSH dalam kalangan ahli organisasi.

Kajian ini menyokong PSH membantu golongan dewasa memupuk sifat kepimpinan di dalam komuniti. Manakala bagi peringkat remaja dan belia, kemungkinan peringkat ini tidak dapat menyedari bahawa kursus PSH ini dapat mewujudkan kerjasama agensi setempat dan menyokong tindakan pembangunan daripada agensi setempat, ini disebabkan oleh responden peringkat remaja dan belia ini adalah terdiri daripada pelajar sekolah menengah.

8.2 Mengenalpasti hubungan di antara persepsi peserta KLKKP di KKMT berdasarkan peringkat umur.

Hasil ujian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah di antara persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) berdasarkan peringkat umur. Dapatan ini menunjukkan persepsi peserta dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti mempunyai hubungan yang amat lemah diantara satu dengan yang lain.

8.3 Mengenalpasti perbezaan persepsi peserta terhadap KLKKP di KKMT berdasarkan pendapatan

Dari aspek pendidikan, menurut (Rahmah Ismail, 2001) modal manusia selalunya dihipotesiskan mempunyai perhubungan yang positif dengan pendapatan buruh kerana dengan milikan modal manusia yang tinggi, individu menjadi lebih produktif. Ini memberi gambaran bahawa dengan pendidikan yang lebih baik maka seseorang itu akan mampu memperoleh pendapatan yang lebih baik. Dapatan ini memberi gambaran persepsi peserta dari aspek pendidikan dipengaruhi oleh tahap keperluan pendapatan mereka.

Dalam aspek sosial, dilihat tiada signifikan persepsi peserta berdasarkan pendapatan responden. Melahirkan modal insan yang sempurna dan meningkatkan sosio-ekonomi merupakan antara dua (2) sub kontrak yang terdapat di dalam aspek sosial. Ini menunjukkan bahawa semua peringkat pendapatan responden beranggapan bahawa kursus PSH mampu melahirkan membina ketrampilan diri dan melahirkan individu yang berdaya saing. Selain itu kursus ini juga dapat memberikan pendedahan mengenai ilmu keusahawanan dan memperluaskan peluang untuk menambah pendapatan keluarga.

Bagi aspek kepimpinan komuniti pula, dilihat wujudnya beza signifikan persepsi peserta berdasarkan pendapatan responden, kemungkinan mereka yang berpendapatan tinggi menyedari wujudnya kerjasama agensi setempat dalam menyediakan latihan kemahiran lebih lancar dan ini menunjukkan KKMT salah satu institusi yang memberi peluang gunasama kemudahan pada institusi lain. KLKKP ini juga ada melibatkan penyertaan daripada guru-guru sekolah dan Kolej Vokasional sekitar Alor Gajah Melaka. Permulaan program PSH di Kolej Komuniti adalah melalui pembelajaran berterusan secara terbuka di mana penubuhan awal Kolej Komuniti dapat membuka mata masyarakat terhadap kebaikan (Ghazalan, 2015).

9.0 Rumusan

Terdapat perbezaan signifikan antara peserta kursus latihan khas mengikut peringkat umur terhadap persepsi KLKKP yang diadakan di KKMT dari segi aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti. Ini adalah disebabkan oleh peringkat umur responden yang terdiri daripada belia, remaja dan dewasa yang menyertai kursus dengan tujuan dan objektif yang tersendiri. Kebanyakan responden yang terdiri daripada golongan belia dan remaja lebih cenderung untuk meningkatkan keyakinan dan motivasi

diri serta kemahiran yang tinggi dalam kursus yang disertai manakala bagi golongan dewasa lebih cenderung dan fokus dalam menjana pendapatan dan sosio ekonomi keluarga melalui kursus ini. Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang lemah diantara persepsi peserta KLKKP berdasarkan peringkat umur, di mana persepsi peserta ada mempunyai hubungan tetapi lemah bagi semua peringkat sama ada golongan remaja, belia dan dewasa.

Hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara peserta kursus latihan khas mengikut pendapatan terhadap persepsi KLKKP yang diadakan di KKMT dari segi aspek pendidikan, kepimpinan komuniti dan ekonomi, kecuali aspek sosial. Ini menunjukkan bahawa faktor pendapatan mempengaruhi persepsi responden di dalam peningkatan kemahiran, pengetahuan dalam bidang teknologi disamping membudayakan keusahawanan dan meningkatkan ekonomi setempat. Peringkat pendapatan ini terdiri daripada responden yang tiada pendapatan, pendapatan sederhana dan pendapatan tinggi.

Ramai peserta kursus yang mengikuti KLKKP di KKMT telah berjaya mengaplikasikan kemahiran yang telah diperolehi di dalam kehidupan seharian terutama ketika arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Pelajar sekolah yang mengikuti KLKKP di KKMT dengan mudah boleh mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari kerana sepanjang PKP, pembelajaran adalah secara atas talian. Selain itu, terdapat juga peserta yang menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk mengembangkan perniagaan bagi meningkatkan pendapatan. Justeru itu, kajian seterusnya akan mengkaji persepsi KLKKP dalam memberi pendedahan dalam bidang keusahawanan dan membantu menjana pendapatan.

10.0 Rujukan

Baharom Mohammad, Mohammad Johdi Salleh (2009). Pembangunan modal insan sebagai satu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara. *In Seminar Pembangunan Modal Insan 2009*. Kelantan, Malaysia.

Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for behavioral sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum

Creswell, J., W. (1994). *Research design quantitative and qualitative approach*, London : Sage Publication

Elias, N. H., Maamor, S., & Aziz, A. B. (2015). Konsep, isu, cabaran dan kecerdasan spiritual belia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(2), 89–98.

Gabr, M. (2000). *Kursus evaluation: a missing critical link in translator training*

Ghazalan, M. S. (2015). Tahap kesediaan peserta program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam kecenderungan menceburi

keusahawanan di Kolej Komuniti Negeri Johor. Masters Thesis. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Makhtar, Muhamad Azmi (2015). Kajian motivasi terhadap pelajar kolej vokasional dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

McPhail, I.P. 2005. *Top 10 reasons to attend a community college. community college week 17, no. 11. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)*. 2007

Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairil Naim Che Nordin, (2012). *Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di Malaysia*.

Mohd. Nasir Mohd. Saukani(2010). *Indeks modal sosial dan agihan pendapatan di Malaysia*

Nor Kamaliah binti Mohamad & Ahmad Zabidi bin Abdul Razak, (2018). *Kepimpinan sekolah dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan guru di Dungun, Terengganu*

Nunnally, J.C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory (3rd ed.)*. New York: McGraw-Hill

Ramlan bin Zainal Abidin, Ahmad Esa dan Wan Mohd. Rashid. (2008). *Pendidikan sepanjang hayat: isu, cabaran dan peranan sekolah membangun modal insan dalam komuniti setempat. In Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB*. Johor, Malaysia .

Rahmah Ismail(2001). *Penentu perbezaan pendapatan buruh mengikut kemahiran dalam industri pembuat di Malaysia*.

Sarpan & Marlina (2017). *Tahap kesedaran belia mengikuti kursus pendek program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di daerah Batu Pahat*.

Sawyer, C. (2012). *Great leadership And Lifelong Learning. National League of Cities*. Retrieved from <http://www.nlc.org/media-center/news-search/great-leadership-and-life-long-learning>